

**Pusat Psikiatri Perlu Diberi Lebih Bidang Kuasa - Sultan Perak  
Bernama  
24 November , 2011**

IPOH, 24 Nov (Bernama) -- Sultan Perak, Sultan Azlan Shah Khamis bertitah pusat-pusat rawatan psikiatri perlu diberikan lebih bidang kuasa untuk membantu pesakit.

Baginda bertitah, usaha itu perlu memandangkan sokongan keluarga amat relevan dalam membantu proses pemulihan pesakit.

"Keluarga yang harmoni dilengkapi dengan asuhan dan penghayatan agama penting dalam membantu membina emosi yang stabil," titah baginda semasa merasmikan majlis sambutan 100 tahun Hospital Bahagia Ulu Kinta di Tanjung Rambutan di sini Khamis.

Baginda bertitah negara juga perlu mempunyai dasar sosial dan program kebajikan yang dapat membantu warga daripada menghadapi tekanan kerana warga yang berlatarbelakangkan kemiskinan tidak memiliki kekuatan modal sosial untuk membina keluarga bahagia.

"Selain itu, ianya dapat menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri yang lebih meluas," titah baginda.

Sultan Azlan bertitah tugas tenaga kerja di hospital juga tidak boleh dipandang enteng kerana mereka perlu memiliki kekuatan dalaman, mental dan emosi dalam menghadapi pesakit dan keluarga pesakit.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629586>